



Rujukan : UKM PDF/224/3

Tarikh : 12 Ramadhan 1438H

7 Jun 2017

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 6/2017**

**DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMBAHARUAN PERKHIDMATAN/PELANTIKAN SEMULA SELEPAS BERSARA BAGI  
JAWATAN PROFESOR/FELO UTAMA SECARA JEMPUTAN**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan sesuai dengan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 4/2017 pada 13 April 2017, pihak Universiti telah bersetuju:

- i. Fakulti/Institut/Pusat mengadakan pembaharuan perkhidmatan/pelantikan semula selepas bersara bagi jawatan Profesor/Felo Utama (kontrak) hanya kepada calon yang telah dikenal pasti berprestasi tinggi dan bernilai strategik;
- ii. calon yang akan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan/ Pelantikan Semula Selepas Bersara bagi Jawatan Profesor/Felo Utama adalah **terhad kepada calon yang dijemput oleh Fakulti/Institut/Pusat sahaja** berasaskan keserlahan, kehebatan, kesarjanaan, bernilai strategik dan berupaya menarik dana luar untuk membiayai bayaran emolumen dan penyelidikan calon; dan
- iii. mana-mana staf akademik yang tidak dijemput namun masih relevan untuk menyumbang kepada Fakulti/Institut/Pusat adalah disarankan untuk dilantik sebagai Sarjana Tamu/Karyawan Tamu/Lain-Lain jenis pelantikan Khas **tertakluk** kepada keupayaan peruntukan PTj dan Universiti.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 / 5015 / 3871 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

2. Untuk makluman, Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Jun 2017. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Zoraini Ibrahim di talian 03-8921 5011 / e-mel: zoraini@ukm.edu.my atau Puan Sarah Saffar di talian 03-8921 5147 / sarah\_s@ukm.edu.my.

3. Justeru, sukacita YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat menghebahkan kepada semua staf akademik di bawah seliaan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Salam hormat,

  
**ABD RAZAK HUSSIN**  
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k - Naib Canselor

- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 / 5015 / 3871 Faksimili: +603-8926 7950 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>